

Interaksi dengan Al-Quran di Bulan Ramadhan

Ahmad Syafiq Yusof

Akademi Pengajian Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, Johor Bahru, Johor, Malaysia
Emel: syafiq1392@gmail.com

Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain

Akademi Pengajian Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, Johor Bahru, Johor, Malaysia
Emel: mtalhah.uda@gmail.com

Wan Hassan Wan Embong

Akademi Pengajian Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, Johor Bahru, Johor, Malaysia
Emel: abawidad@utm.com

Ahmad Marzuki Mohamad

Akademi Pengajian Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, Johor Bahru, Johor, Malaysia
Emel: amarzuki@utm.my

ABSTRAK

Al-Quran dan Ramadhan saling berkait dan menjadi sumber bekalan. Al-Quran merupakan sebuah mukjizat dan Rahmatan Lil 'alamin kepada seluruh makhluknya. Manakala, bulan Ramadhan diturunkan padanya al-Quran serta menjadi sumber bekalan kekuatan kepada setiap orang Muslim. Manusia hanya perlu memanfaatkan keberadaan di Bulan Ramadhan dan berusaha memahami al-Quran dengan berinteraksi menggunakan metod yang di gariskan daripada al-Quran dan as-Sunnah bagi memberikan kesan kepada penghayatan al-Quran dalam kehidupan. Justeru, kertas kerja konsep ini akan mengkaji dengan lebih jelas cara interaksi Al-Quran di bulan Ramadhan dengan menggunakan kaedah "*Systematic Literature Review (SLR)*", iaitu penyelidikan analisis dokumen serta kajian perpustakaan. Kajian ini akan menjelaskan lebih terperinci cara berinteraksi dengan al-Quran iaitu untuk objek yang membacanya, dari sudut bahasa arab, penghayatan menggunakan hati, latar belakang sejarah surah dan ayat, serta untuk siapa perlu di hayati.

Kata Kunci: *Al-Quran dan Ramadhan, Cara Interaksi, Penghayatan*

PENGENALAN

Umat Islam adalah satu-satunya umat yang paling beruntung di dunia sekarang ini kerana mereka memiliki wahyu Allah yang terpelihara dalam keadaan utuh dan dalam bentuknya yang asli, bebas dari kekotoran campur tangan manusia. Setiap kata-kata yang ada di dalamnya masih persis sama ketika ia diturunkan kepada Rasulullah SAW (Shumsudin Yabi, 2015). Namun umat Islam hari dilihat rugi jika hanya mengambil sebahagian manfaat sahaja daripada al-Quran.

Al-Quran merupakan wahyu Allah yang diberikan kepada semua umat manusia. Al-Quran diturunkan Allah kepada mereka agar mereka membacanya, memahami isinya dan berbuat menurut petunjuknya. Al-Quran datang untuk memberikan petunjuk, kekuasaan dan kebesaran kepada mereka. Yang menjadi isu pada masa ini adalah bagaimana umat Islam memberikan respon terhadap wahyu agung ini sama ada mereka mengambil input yang baik ataupun hanya membiarkan al-Quran terus ditelan arus zaman. Jika hendak difikirkan kemampuan al-Quran kepada seseorang ini adalah tidak terkira banyaknya tetapi antara yang utama adalah al-Quran mampu menjadikan umat Islam menjadi imam yang handal dan pemimpin dunia yang namanya terulung sekali di seluruh pelosok dunia (JAIS, 2018).

Hatta, al-Quran ini jika hanya membacanya sahaja telah ada sebuah kebaikan yang besar, apatah lagi mengambil manfaat dengan melaksanakan isi kandungan al-Quran pula. Rasulullah SAW pernah bersabda :

"Barangsiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran, maka baginya satu kebaikan, dan setiap kebaikan akan dilipatgandakan hingga sepuluh kebaikan. Aku tidak mengatakan alif lam mim itu satu huruf. Namun, alif satu huruf, lam satu huruf dan mam satu huruf"

(HR, at-Tirmidzi).

Hadis di atas memberikan motivasi membaca al-Quran dengan ganjaran berupa satu sehingga 10 pahala dari setiap huruf yang dibacanya. Bahkan, bila tibanya bula Ramadhan, membaca al-Quran akan di cadangkan lebih sekali, dua kali, bahkan lebih bagi mengambil manfaat pahala tersesbut. Sikap mengambil kaedah kuantitatif seperti ini adalah betul berdasarkan hadis tersebut. Namun, apakah proses interaksi kita dengan al-Quran yang Allah SWT inginkan, terhenti di situ?. Sekadar membaca dari awal Surah al-Fatihah, juz pertama, sambung kepada juz ke-dua, dan seterusnya, sehingga Surah an-Naas, surah terakhir pada juz 30?. Justerus, bagaimana sebenarnya membaca al-Quran yang Allah SWT kehendaki daripada orang mukmin?. Dengan kata lain, bagaimana membaca al-Quran secara kualitatif pula?

Allah SWT telah menjelaskan kepada kita bagaimana cara membaca kualitatif yang diinginkan-Nya terhadap al-Quran, seperti termaktub dalam surah al-Baqarah, ayat 121 yang membawa maksud:

"Orang-orang yang telah Kami beri Kitab, mereka membacanya sebagaimana sepatutnya (haqqa tilâwatih), mereka itulah yang beriman kepadanya. Dan barangsiapa ingkar kepadanya, mereka itulah orang-orang yang rugi"

(al-Quran)

Menurut Imam Ghazali (1999), merujuk ayat “sebagaimana sepatutnya” (*haqqa tilawatih*) membawa maksud, membaca perlu melibatkan lisan, akal, dan hati. Tugas lisan adalah membaca huruf per huruf secara tepat. Tugas akal adalah memahami makna dan kandungan. Manakala, tugas hati adalah mengambil pelajaran dan nasihat untuk kemudian dipatuhi dan ditaati. Kalimah *Haqqa tilawatih* menurut at-Tabari (2001), Abdullah ibn Mas’ud menjelaskan dengan membawa maksud tunduk dan patuh terhadap segala apa yang dihalaikan dan diharamkan oleh-Nya, dan membacanya sesuai dengan apa yang diturunkan oleh Allah serta tidak menyimpangkan-Nya, dan tidak mentakwilka-Nya secara tidak patut. Manakala, Ibnu Abbas menafsirkan *haqqa tilawatih*, iaitu mengiringi apa yang dibaca dengan iringan yang beramal dengan-Nya. Justeru, Perkataan *tilawah* yang berasal dari kata kerja *tala* disamping membawa maksud membaca. Ianya juga bermaksud mengiringi, sebagaimana tersirat maknanya dalam Surah as-Syams ayat ke-2, *Wal qamari idza talaha*, membawa maksud, “*Demi bulan apabila mengiringinya*” (Ibnu Katsir, 2000). Maka secara makna yang umum dan mendasar, *haqqa tilawatih* membawa maksud mempelajari, memahami, dan patuhi al-Quran bukan sekadar membacanya sahaja.

Terkait dengan ramadhan pula. Ramadhan membawa maksud panas yang sangat terik (Akhmad & Mahmud Muhsinin, 2015). Dinamakan demikian kerana pada bulan tersebut di tanah Arab kebiasaannya cuaca adalah panas, terik dan kering. Maka makna panas tersebut diharapkan dapat membakar segala kekotoran dosa orang yang berpuasa dan yang menghidupkan ibadah di sepanjang bulan Ramadan. Oleh kerana Ramadhan disebut di dalam Al-Quran dan terlalu banyaknya keistimewaan dan kelebihan Ramadhan maka ia mendapat gelaran sebagai Penghulu sekalian bulan (JAIS, 2018). Di sana adanya ibadah puasa selama sebulan penuh, Zakat fitrah, Solat Tarawih, Lailatul Qadar, Nuzul al-Quran, Tadarus al-Quran, Kelebihan sedekah, Qiamullail, Tazkirah, Iktikaf dan lain-lain lagi. Madrasah Ramadhan selama sebulan adalah untuk mencapai sifat taqwa kepada Allah S.W.T. meninggalkan puasa Ramadhan tanpa uzur syar’ei adalah berdosa (Riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan al-Tarmizi) dan menjadi kafir apabila menafikan kewajibannya (Mustofa al-Khin, Mustafo al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, 2011). Dalam kajian ini ditekankan untuk amalan al-Quran lebih dihidupkan di bulan Ramadhan. Membaca al-Quran di bulan ramadhan akan mendapat 70 kali ganda pahala bagi satu huruf al- Quran. Begitulah mudahnya untuk memperoleh pahala di bulan Ramadhan, apatah lagi jika beramal dengan al-Quran. Jadi, interaksi antara al-Quran di bulan ramadhan adalah amat disarankan untuk menjana ganjaran pahala yang tidak terkira banyaknya dan memahaminya untuk diamalkan dalam kehidupan.

Ironinya, daripada isi al-Quran mampu menyelesaikan masalah Politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan lain – lain. Al-Quran sangat sinonim bila dikaitkan dengan Ramadhan. Rasulullah berjaya menunjukkan kepada kita, dengan al-Quran masyarakat arab dan dunia berubah. Para sahabat nabi akhlaknya terkawal dan terbina, apatah lagi bila masuk Ramadhan, interaksi orang muslim tertumpu kepada perubahan yang lebih besar seperti berlakunya pentarbiahan dengan peristiwa puasa, mengeluarkan zakat. Berlakunya dakwah yang lebih rancak, dengan beberapa siri peperangan dalam Islam seperti perang Badar, perang Ahzab, Fathul Mekah dan perang Qodisiyah. Justeru, kertas kerja konsep ini diharapkan dapat

memberikan penerangan yang jelas dalam berinteraksi dengan al-Quran bahkan mengambil manfaat yang besar daripadanya bermula dengan *biah* yang telah di ada di bulan Ramadhan.

PERNYATAAN MASALAH

Al-Quran merupakan sumber dan panduan kepada umat Islam dalam menjalani arus kehidupan. Tuntutan terhadap al-Quran perlu dititik beratkan oleh setiap manusia kerana di dalamnya telah tersedia manual dalam memahami ajaran Islam yang sebenar. Sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dari Zaid bin Tsabit beliau berkata, Rasulullah SAW telah bersabda:

“Aku tinggalkan pada kalian dua pusaka; kitabullah dan ahli baitku, keduanya tidak akan berpisah hingga keduanya bertemu denganku di hawd (telaga)”.

(Hadith Zaid bin Thabit, No 22067).

A l-Quran mempunyai perkaitan dengan pembentukan sahsiah umat Islam. Malah, akhlak dan moral dilihat sebagai kunci kepada pembangunan rohaniah umat Islam. Saidatina Aisyah r.a pernah ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW, maka beliau menjawab: *“Bahawa akhlaknya adalah al-Quran”* (al-Asqalani, 1986). Apabila umat Islam berpegang teguh dengan kalam Allah SWT, mereka tidak akan tersesat dan terpesong dari landasan yang telah digariskan oleh syarak. (al-Qaradawi, 1999).

Interaksi terhadap al-Quran perlu difahami dan dihayati oleh umat Islam yang mempunyai banyak peringkat dan tahap. Interaksi-interaksi tersebut merangkumi beriman, membaca, menghafal, mendengar, mempelajari, tadabbur, menghayati serta mempertahankan al-Quran dari sebarang penyelewengan (Aznan Hasan, 2017).

Realiti kini, kegunaan al-Quran bagi masyarakat boleh dianggap sebagai tidak berfungsi sama sekali ataupun dalam erti kata lain, dieksploitasikan. Maksud eksploitasi di sini merujuk kepada penyalahgunaan al-Quran dengan tujuan dan niat yang berbeza (Zaidi Mahmod, 2011). Al-Quran hanya disimpan di dalam rumah untuk menghalau jin-jin dan hantu-hantu (Sharifah Norshah, 2011; Rafidah Mokhtar & Nizam Sahad, 2014). Mereka menuliskan ayat al-Quran dalam bentuk khat dan sebagainya untuk digantung di dinding-dinding rumah sebagai perhiasan semata-mata (Nizam Sahad, 2015).

Bahkan terdapat kajian menunjukkan tahap kesedaran umat Islam di Malaysia terhadap al-Quran masih berada tahap sederhana. Satu pemantauan telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, mendapati bahawa ada dalam kalangan umat Islam di negara ini tidak mempunyai al-Quran walaupun senaskhah di rumah mereka (Johan Afendi-Berita Harian, 2004). Para remaja pada hari ini ramai yang tidak tahu atau kurang mahir dalam membaca al-Quran kerana sikap mereka yang tidak memandang berat akan kepentingan al-Quran serta ketidakprihatinan ibu bapa dan masyarakat sekeliling (Aizan Ali & Murni Buchik, 2017). Masalah ini juga adalah berpunca dari sikap masyarakat yang terlalu memandang

kepada pangkat serta mengambil berat mengenai hal-hal keduniaan (Ahmad Abdul Ghani, 1997).

Menurut laporan kajian yang dilakukan oleh Walijah Ahmad Jamburi mendapati bahawa hanya 10% sahaja yang membaca al-Quran setiap hari dan sebanyak 63.1% yang membaca al-Quran jarang-jarang. Alasan mereka yang jarang-jarang membaca al-Quran adalah kerana malas, tidak ada masa dan alasan tidak pandai membaca al-Quran (Walijah Ahmad Jamburi, 2010). Sebagaimana kajian yang dilakukan di Negeri Sembilan mengenai kemahiran membaca al-Quran, mendapati daripada sejumlah 164 orang responden, seramai 80 orang iaitu (48.8%) telah khatam al-Quran ketika di tahun 4 hingga ke tahun 6, manakala 56 orang iaitu (34.1%) adalah terdiri daripada mereka yang belum khatam al-Quran. Peratus bilangan mereka yang telah khatam al-Quran sebelum memasuki sekolah berasrama penuh bertambah sedikit iaitu sebanyak 65.9% (Ramlan Ahmad, 2000). Walaupun kebanyakan pelajar telah khatam al-Quran, namun dari segi tahap kelancaran masih di peringkat sederhana. Sebagaimana dapatan kajian yang dijalankan oleh Madihah Mohamad, masalah yang dihadapi oleh pelajar adalah pelajar kurang lancar membaca al-Quran, lemah dari segi makhras huruf dan lemah menguasai hukum-hukum tajwid. Mereka tidak dapat menguasai al-Quran sejak di sekolah rendah lagi (Madihah Haji Muhamad, 1992).

Walaupun kebanyakan umat Islam membaca al-Quran, tetapi mereka tidak memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran yang dibaca (Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Yusoff, 2017). Menurut qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-53, Suraya Abu Hassan, "Kejahilan segelintir kita yang tidak memahami maksud di sebalik ayat al-Quran menjadikan matlamat membaca al-Quran itu pincang. Keadaan di mana individu melagukan ayat al-Quran secara mendayu sedangkan ayat menegaskan perintah Allah, sering berlaku dan menimbulkan kekeliruan" (Sani Kamarudzaman-Berita Harian, 2011).

Manakala menurut Pengarah Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), Abdul Shukor Husin, beliau berkata pada masa sekarang pelajar sekolah rendah dan menengah berhadapan masalah kurang penghayatan ilmu keagamaan yang menyebabkan mereka cepat bosan seterusnya gagal menerapkan ilmu yang dipelajari secara praktikal (Amirul Faiz Ahmad, 2011). Sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Madihah Mohamad (1992), di S.M.K.A Tok Jiring, dapatan kajian mendapati 32.5% pelajar tingkatan 2 dan 3 menghadapi masalah sukar memahami maksud ayat-ayat yang di pelajari di dalam kelas. Manakala sebanyak 35% pelajar tingkatan 4 menghadapi masalah yang sama. Kajian yang dilakukan di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Matang Kuching Sarawak mendapati 72% daripada pelajar-pelajar hanya memahami sedikit kandungan yang mereka baca. Hal ini menunjukkan tahap kefahaman mereka pada tahap keadaan yang kurang memuaskan. Manakala 28% daripada mereka tidak memahami langsung isi kandungan yang mereka baca. Walaupun mereka belajar bahasa arab, ianya tidak membantu mereka memahami isi al-Quran (Rosnawati Umar, 1992).

Maka, situasi masyarakat Islam di Malaysia berinteraksi dengan al-Quran dilihat amat ketara dan perlukan kaedah interaksi yang berkesan bagi mengembalikan semula kegemilangan umat Islam seperti terdahulu. Generasi awal dahulu berubah dengan

berinteraksi dengan al-Quran untuk dipraktikkan dalam hidup mereka, generasi muslim hari ini juga boleh mengulanginya semula jika terus berterusan berinteraksi dengan al-Quran untuk mengamalkannya.

Masyarakat dan al-Quran kini.


Masyarakat kini sangat mengambil enteng isu yang melibatkan al-Quran. Mereka sering melupakan al-Quran (Zainorah Kadri, 2015). Apabila membaca al-Quran, mereka tidak serius malahan tidak memahami maksud ayat yang dibacakan. Jika ditanya mereka mereka tidak ingin untuk memahami ayat al-Quran, mereka akan mula memberikan alasan bahawa penurunan al-Quran dalam bahasa arab adalah tidak adil kerana hanya orang Arab yang mempunyai kelebihan kerana memahami maksud al-Quran (Shihab, 2007). Justeru, jika ditanya mengapa mereka tidak mengamalkan membaca al-Quran dalam kehidupan seharian, mereka akan memberikan alasan sibuk dengan pekerjaan (Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2007). Walaupun mereka pelajar sekolah, mereka akan mengatakan bahawasanya mereka terlalu sibuk untuk belajar dan menyiapkan kerja sekolah yang perlu dihantar segera (Hashim, 2012).

Inisiatif-inisiatif pihak sekolah seperti mengadakan hari kebudayaan al-Quran, hari cinta al-Quran ataupun memaksa pelajar untuk membaca al-Quran tetap tidak akan mengubah hidup mereka. Hal inilah yang dikenali dengan remaja degil pada era globalisasi ini. Ibu bapa juga tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk mengajar al-Quran ekoran daripada kerja yang terlalu banyak hingga terbawa-bawa ke rumah (Norhayati Derani, 2004). Anak-anak akan merasakan bahawa membaca al-Quran itu adalah perkara yang tidak penting dan boleh dipilih sama ada ingin membacanya mahupun tidak. Ibu bapa dalam konteks ini tidak mempamerkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak dalam penghayatan al-Quran di rumah (Norhayati Derani, 2004). Pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan yang besar dalam isu al-Quran ini. Rakan sebaya yang tidak pernah mengingatkan rakannya untuk membaca al-Quran merupakan rakan sebaya yang teruk dan tidak sepatunya dijadikan rakan ataupun tugas umat Islam sebagai seorang yang bertanggungjawab perlulah membimbing rakan sebaya yang terpesong jauh dari ajaran agama Islam (Azhar Muhammad, 2012). Jika ketua kumpulan dalam kalangan rakan sebaya itu dapat dipengaruhi untuk berubah dan sentiasa mengamalkan al-Quran, nescaya rakan-rakan mereka yang lain akan turut patuh dan mengikuti apa sahaja yang ketua mereka lakukan.

Biarpun pada awalnya setiap individu dalam masyarakat membaca al-Quran secara paksaan, tetapi lama kelamaan paksaan tersebut akan menjadi relahati. Perubahan ini menuntut kepada cara interaksi dengan al-Quran yang baik. Dalam kajian ini, penulis mengambil cara berinteraksi dengan al-Quran menurut Shakir (2017) iaitu dengan meletakkan diri kita sebagai objek yang membacanya, ilmu bahasa arab, penghayatan menggunakan hati, memahami latar belakang sejarah surah dan ayat, serta untuk siapa perlu di hayati.

Cara Berinteraksi Dengan Al-Quran

Menurut (Shakir, 2017), kaedah mudah yang boleh digunakan dalam interaksi dengan al-Quran adalah dengan meletakkan diri kita objek yang membacanya, ilmu bahasa arab, penghayatan menggunakan hati, memahami latar belakang surah dan ayat, serta untuk siapa perlu di hayati.



Rajah 1: Cara Berinteraksi dengan al-Quran

1. Objek yang membacanya

Allah berfirman dalam surah az-Zumar ayat, 41 bermaksud,

“Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu al-Kitab (Al Qur’an) untuk manusia dengan membawa kebenaran; siapa yang mendapat petunjuk maka (petunjuk itu) untuk dirinya sendiri, dan siapa yang sesat maka sesungguhnya dia sematamata sesat buat (kerugian) dirinya sendiri, dan kamu sekali-kali bukanlah orang yang bertanggungjawab terhadap mereka”

(al-Quran)

Langkah pertama dalam berinteraksi dengan AlQur’an adalah untuk membetulkan cara fikir kita dalam bersikap dengan kitab ini. Allah SWT dalam ayat di atas secara terang

menyebut bahawa Al-Qur'an diturunkan untuk manusia semua. Lafaz ini sangat umum sehingga manusia di sini mencakupi yang beriman dan yang belum beriman (Shakir, 2017).

Sedangkan kitab ini ternyata bukan untuk para asatizah, para imam atau masyaikh sahaja, tetapi untuk semua manusia, lebih-lebih lagi untuk orang Islam yang mengaku bahawa beriman dengan Al-Qur'an termasuk dalam rukun iman mereka yang enam itu. Berinteraksi dengan Al- Qur'an adalah menjadi tuntutan kita semua tanpa mengira jurusan pelajaran, latar belakang sosial, pekerjaan dan umur.

Satu persoalan yang wajar kita fikirkan bersama berkenaan perkara ini, jika kita meneliti kitab-kitab hadith yang disusun para imam hadith, seringkali kita akan menemukan adanya bab yang dinamakan tafsir bagi Al-Qur'an. Dalam bab ini, para imam hadith merekod dan menyusun hadith-hadith berkenaan Rasulullah SAW memberi penjelasan berkenaan beberapa ayat Al- Qur'an. Bahkan, himpunan hadith berkenaan penjelasan Al-Quran tidak banyak dan tidak semua ayat Al-Quran ditafsirkan dan diperjelaskan oleh Rasulullah, maka tidak keterlaluan dikatakan hanya sebahagian kecil sahaja ayat Al-Quran yang turun dan diperjelas secara langsung oleh Rasulullah SAW (Shakir, 2017).

Maka sebenarnya, membiarkan sebahagian besar ayat Al-Quran tidak ditafsir secara khusus dan terperinci oleh Rasulullah SAW membuka peluang untuk kita semua, umat Islam berinteraksi sendiri dengan Al-Qur'an sesuai dengan kadar akal, perkembangan ilmu, peredaran zaman, pengalaman dan suasana semasa. Sekiranya semuanya telah ditafsir secara muktamad, ia akan mengehadkan peluang manusia untuk berinteraksi secara langsung dengan Al-Qur'an. Hal ini menunjukkan, Al-Quran bukan diturunkan untuk Rasulullah SAW semata-mata.

2. Bahasa Arab,

Setiap orang yang melalui satu jalan dan beramal dengan satu amalan serta mendatangnya melalui pintu-pintunya dan jalan-jalan yang sampai kepadanya pasti akan menemukan keberhasilan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat ke 189 bermaksud (Abd Rahman Nasir, 2003);

"Dan masuklah ke rumah-rumah itu dari pintu-pintunya..."

(al-Quran)

Sebagai pintu masuk untuk memahami Al-Qur'an, keutamaan bahasa Arab amatlah jelas kerana bahasa Arab adalah bahasa Al-Qur'an Al-Karim. Cukup alasan inilah yang jadi alasan besar kenapa kita harus mempelajari Bahasa Arab. Keistimewaan bahasa Arab disebutkan dalam Al-Qur'an lebih dari sepuluh tempat, antaranya; Firman Allah SWT dalam surah yusuf, ayat 2;

"Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa Al-Qur'an dengan

berbahasa Arab, agar kamu memahaminya.”

(al-Quran)

Ketika menjelaskan ayat di atas, Ibn Kathir (2000) berkata, Al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa yang paling fasih, paling jelas, paling luas dan paling tepat untuk dapat menyampaikan maksud yang ada di dalam jiwa. Oleh kerana itu, Kitab yang paling mulia ini diturunkan dengan bahasa yang paling mulia, kepada Rasul yang paling mulia, dengan utusan Malaikat yang paling mulia di bumi yang mulia, diturunkan pada bulan yang paling mulia iaitu bulan Ramadhan. Dengan demikian Al-Qur'an itu sempurna dari segala seginya.

Secara kesimpulan, semua khazanah yang bernilai ini tidak akan dapat kita manfaatkan tanpa menelusuri Al-Qur'an menerusi bahasa Arab (Shakir, 2017). Maka menjadi tuntutan bagi setiap daripada kita untuk mempelajari bahasa Arab dengan kadar kemampuan masing-masing. Kita mesti meluangkan masa untuk proses pembelajaran bahasa Al-Qur'an ini dan jika perlu, hendaklah bersedia untuk memperuntukkan sejumlah wang untuk menghadiri kelas-kelas bahasa Arab berbayar dan membeli material-material pelajaran. Terdapat banyak peluang-peluang untuk mempelajari bahasa Arab sama ada secara percuma atau berbayar. Banyak kelas-kelas persendirian diadakan dengan menggunakan pelbagai bentuk modul pelajaran. Pembelajaran yang paling baik dan tersusun adalah semestinya dengan mengikuti kelas-kelas ini dengan konsisten terutamanya kelas-kelas yang dianjurkan dalam rangka untuk mempelajari bahasa Arab fokus kepada pemahaman Al-Qur'an.

3. Penghayatan Menggunakan Hati

Umat islam terutamanya di alam melayu begitu berpegang dengan kelebihan membaca Al-Quran ini yang mendatangkan pahala sehingga mereka bersungguh-sungguh membaca Al-Quran dan cuba mengkhatakannya secepat mungkin (Ghazali, 2010). Fenomena ini menjadi lebih menakjubkan di bulan ramadan kerana pahala pada bulan ini digandakan sehingga tidak mampu dihitung.

Sehingga kita dapati sesetengah individu hanya membaca Al-Quran pada bulan Ramadan, tetapi tidak pada bulan-bulan lain. Orang yang kebiasaannya sibuk juga berkesempatan melakukan tilawah dan tadarus pada bulan ini. Perlumbaan ini tidak hanya berlaku dalam kalangan Muslim yang komited. Yang pasti, menyibukkan diri membaca Al-Quran jauh lebih baik daripada kesibukan membaca bahan bacaan lain.

Namun, adakah membaca dan mengharapkan pahala daripada bacaan tersebut memadai? Adakah Al-Quran merupakan kitab untuk dijadikan bahan bacaan semata-mata? Adakah Al-Quran diturunkan sebagai wasilah untuk memberi pahala kepada umat manusia?

Justeru, al-Quran diturunkan bukanlah untuk dibaca semata-mata atau dijadikan wasilah supaya manusia merebut ganjaran pahala melalui bacaannya, tanpa menafikan membacanya merupakan ibadah dan ganjaran pahala adalah benar. Namun, tujuan yang diharapkan daripada pembacaan itu bukanlah mendapat pahala, tetapi mengutip pengajaran daripada ayat-ayat Al-Quran, dijadikan petunjuk dalam kehidupan, dihayati dan diamalkan di alam realiti.

Terdapat beberapa tingkatan bagaimana masyarakat Islam berinteraksi dengan Al-Quran (Al Qaththan, 2018). Tingkatan pertama ialah interaksi fizikal sebagaimana sebilangan umat Islam menggunakan ayat Al-Quran sebagai pelindung daripada makhluk halus. Selain itu, ada yang menggantung ayat-ayat Al-Quran untuk mengambil keberkatan seperti melariskan perniagaan.

Kedua, memfokuskan bacaan Al-Quran untuk meraih ganjaran pahala. Ketiga, memahami ayat-ayat Al-Quran secara ijmal (umum). Hal ini dilakukan secara minimum dengan melihat terjemahan Al-Quran atau melalui pembelajaran bahasa Arab secara sederhana. Tingkatan keempat ialah tadabbur iaitu memahami dengan hati atau menghayati. Justeru, penghayatan dengan menggunakan tingkatan – tingkatan ini bagi memasukkan kefahaman ke dalam hati, sehingga memberikan perasaan untuk beramal dengan isi al-Quran.

4. Latar Belakang Sejarah Surah dan Ayat

Antara kaedah tafsir yang dipersetujui umum ialah;

“Pengajaran bergantung pada umumnya lafaz, tidak khusus pada sebab nuzul ayat.”

Syaikh Abdul Rahman Nasir as-Sa’di (2003) mengatakan kaedah ini merupakan kaedah yang sangat bermanfaat. Dengan memperhatikannya seorang hamba akan mendapatkan kebaikan dan ilmu yang banyak. Dengan meninggalkan dan tidak memperhatikan kaedah ini, seseorang akan terlewatkan dari ilmu yang banyak, dan terjatuh dalam kekeliruan dan kerancuan yang berbahaya.

Kaedah ini bermaksud, walaupun sesetengah ayat al-Quran yang turun mempunyai asbab nuzul atau dilator belakang peristiwa-peristiwa tertentu yang menjadi sebab dan berkaitan dengan ayat tersebut, namun pengajaran ayat-ayat itu bersifat terbuka dan umum sesuai dengan umumnya lafaz. Selagi mana ia berada dalam batas lafaz bahasa Arabnya, maka pengajaran daripada ayat itu boleh diambil.

Namun, kaedah ini juga mengisyaratkan bahawa ayat-ayat al-Quran mempunyai kaitan dengan peristiwa-peristiwa tertentu dan tidak turun secara sekaligus. Mengetahui latar belakang turunnya sesuatu ayat menambahkan lagi kefahaman kita kepada ayat-ayat berkenaan. Oleh yang

demikian, langkah berikutnya untuk membantu interaksi dengan al-Quran adalah dengan mengetahui latar belakang peristiwa dan suasana turunya sesuatu ayat (Shakir, 2017).

5. Siapa perlu di hayati.

Langkah ini merupakan langkah yang paling penting. Tanpa mengambil pelajaran dari langkah ini, langkah-langkah yang telah disebutkan sebelum ini mungkin tidak akan memberi kesan yang banyak. Sebaliknya, langkah inilah yang akan menentukan keberkesanan interaksi kita dengan al-Quran pada skala besarnya.

Para sahabat nabi tahu dan faham benar bahawa ada persamaan yang jelas antara mereka dan umat-umat terdahulu. Mereka merasa terhubung dengan umat-umat terdahulu. Mereka merasa terhubung dengan para Anbiya' terdahulu. Hal ini kerana, di sana mereka merasai situasi, kondisi, perjuangan, penentangan, dan ujian dakwah yang dialami oleh umat terdahulu dalam kalangan orang beriman dan dalam kalangan para Anbiya' adalah sama seperti apa yang mereka hadapi ketika wahyu Al-Qur'an diturunkan kepada mereka. Mereka faham bahawa umat terdahulu dan para Anbiya' juga mempunyai misi hidup yang sama dengan mereka, sehinggakan konteks penceritaan para Anbiya' dan umat-umat terdahulu dapat mereka fahami dan jiwai. Yang berbeza hanyalah zaman, tempat dan watak sahaja.

Maka, interaksi terakhir ini setelah memahami dan menguasai langkah – langkah sebelumnya, kita perlu merasai bahawa al-Quran ini ditujukan untuk kita dan perlu melakukan apa yang di arahkan di dalam al-Quran bagi merelisasikan ruh al-Quran. Ummat terdahulu berubah dan hebat kerana mereka melaksanakan isi al-Quran, bukan hanya membacanya atau mengambil sebahagian – sebahagian isi al-Quran sahaja (Sedek Ariffin et al., 2016)

Interaksi di Bulan Ramadhan

Al-quran sebagai sahabat di bulan Ramadhan. Timbul pertanyaan sebahagian orang tentang mana yang lebih utama sama ada membaca al-Quran dengan tadabur atau membacanya dengan secepat agar banyak bacaannya dan kerap khatam sehingga beroleh pahala bacaan? Sesungguhnya kedua cara ibadah tersebut tidaklah berlawanan, tidak pula saling mengurangi waktu dan pahala sehingga perlu ditanyakan mana yang lebih utama. Dalam hal ini kembali kepada pembacanya (Ahmad Syakir, 2017), dan mereka itu terbahagi kepada beberapa kategori:

Kategori pertama dikaitkan dengan sebahagian besar orang awam yang tidak boleh bertadabur (merenunginya). Bahkan tidak memahami sebahagian besar ayat-ayatnya. Mereka hanya membaca untuk memperbanyakkan pahala bacaan.

Kategori kedua adalah seperti ulama dan penuntut ilmu. Mereka memiliki dua cara dalam membaca al-Quran iaitu pertama: seperti cara orang awam, tujuannya untuk memperbanyak pahala dengan banyaknya bacaan dan bilangan khatam. Kedua: membaca dengan maksud mempelajari makna-makna al-Quran, tadabur dan istinbat (pendalilan).

Mereka lebih nampak jelas memahami kandungan al-Quran daripada orang lain. Yang demikian adalah keutamaan Allah taala yang diberikan pada siapa yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itu sebahagian ulama menyamakan mereka yang membaca satu ayat al-Quran dengan bertadabur seperti mempersembahkan batu yang mulia, sedangkan yang membaca seluruh al-Quran tanpa bertadabur seperti mempersembahkan dirham (wang) yang banyak, tetapi tidak boleh mencapai darjat seperti manusia yang pertama (S Mohammad, 2010).

Hal yang semestinya diingatkan berkaitan dengan bacaan (tilawah) al-Quran di bulan Ramadhan. Pertama, seseorang hendaklah mengenali dirinya. Manusia tidak sama keadaannya dalam beribadah. Tetapi amat merugikan seorang muslim jika Ramadhan berlalu tetapi tidak dapat mengkhatakamkan al-Quran. Kebanyakan manusia bersemangat di awal bulan dalam melakukan kebaikan, termasuk tilawah (membaca) al-Quran. Akan tetapi begitu cepat berputus asa setelah beberapa hari berikutnya. Amalan yang dilakukan dilihat sedikit kurang berbanding di awal bulan. Oleh sebab itu, mereka diutamakan membaca setiap hari satu juz. Dengan demikian dia akan mengkhatakamkan al-Quran sekali di bulan ini. Maka, perlu kembali kepada kesungguhan dan berterusan. Dengan cara ini dia dapat melakukan amal dari amal kebaikan tanpa terputus.

Kita seringkali leka dan lalai untuk mengerjakan ibadah pada waktu malam khususnya di bulan Ramadan. Hal ini merupakan kerugian besar bagi umat Islam. Sekiranya seseorang muslim berjaya mengatur ibadah malamnya dengan membaca al-Quran dia tidak termasuk orang yang lalai. Dengan demikian beralih pula fitrah Allah yang telah ditetapkan atas manusia dengan menjadikan malam sebagai masa istirehat. Di samping itu, jika seseorang muslim membaca al-Quran dari menghafalnya atau mengerjakan solat sunat, sesungguhnya hal itu akan menguatkan semangat dan konsentrasinya. Hal ini kerana mata dan hati dapat disibukkan dengan bacaan al-Quran serta solat. Sesiapa yang menunaikan ibadah di saat gelap, mereka akan merasai kelazatan ibadah melebihi ketika beribadah di tempat yang terang.

Hendaklah kita meminta kepada Allah supaya menganugerahkan taufik kepada kita dan menjadikan kita termasuk mereka yang beramal. Sekiranya engkau renungi bulan Ramadhan sudah menjadi seperti stesen untuk menambah amalan maka orang-orang soleh yang gembira dengan kehadiran bulan ini akan menggunakannya untuk mengumpulkan bekalan dengan cara beribadah di dunia untuk mengecapi syurga di akhirat kelak. Apakah kita dapat memanfaatkan bulan ini? (Musa'id at-Thayyar, 2018)

PERBINCANGAN

Bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh dengan warna ketaatan. Selain ibadah puasa di siang hari, kaum muslimin dapat menikmati keindahan tadabbur dan tilawah al-Quran sepanjang hari, dan menghidupkan dengan al-Quran di malam hari. Dengan merenungkan ayat-ayat al-Quran itulah ketenangan jiwa akan didapatkan. Allah taala berfirman dalam surah ar-Ra'd ayat 28 membawa maksud: *"Ingatlah, bahawa dengan berzikir kepada Allah maka hati akan menjadi tenang."*

Membaca dan merenungkan ayat-ayat al-Quran adalah sebahagian dari zikir. Sementara kedudukan zikir bagi seorang insan laksana air bagi seekor ikan. Bagaimana mungkin seorang hamba mengaku mencintai Allah, sementara hati dan lisannya kering dari mengingat dan memuji-Nya? Demikianlah yang telah dipraktikkan oleh salafus soleh (Wimra, 2017). Mereka adalah suatu kaum yang mengagungkan Kitabullah dengan semestinya. Mereka tidak hanya beriman dengan al-Quran sebagai bacaan ataupun wahyu dari sisi-Nya, tetapi mereka juga menerapkan ajarannya dalam kehidupan mereka sehari-hari. Oleh sebab itu tidaklah menghairankan jika mereka mendapatkan gelaran generasi terbaik umat ini.

Para sahabat radhiyallahu'anhum (Jumah, 1999), telah menjadi teladan bagi generasi berikutnya dalam menjadikan al-Quran sebagai jalan hidup mereka. Oleh sebab itu mereka mulia di sisi Allah kerana ketakwaan mereka, kedalaman ilmu mereka, amal soleh mereka, dan kecintaan mereka yang teramat besar terhadap Allah dan Rasul-Nya. Para sahabat hidup di bawah naungan al-Quran. Sehingga ayat-ayat suci itu mewarnai hidup dan kehidupan mereka, mewarnai hati dan tingkah laku mereka. Para sahabat tidak memandang al-Quran sebagai teori dan falsafah. Bahkan, mereka menjadikan al-Quran sebagai undang-undang kehidupan mereka dalam hidup bermasyarakat dan bernegara, dalam hidup individu dan rumah tangga. Bahkan, al-Quran itu sesuai dengan semua keadaan dan suasana. Oleh sebab itu Abdullah bin Mas'ud radhiyallahu'anhu berpesan (Bastoni, 2012), *"Ikutilah tuntunan dan janganlah kalian mengada- adakan ajaran baru, kerana sesungguhnya kalian telah dicukupkan."*

Selain itu, Sahabat Nabi juga radhiyallahu'anhum (Tamam, 2013) menjadikan al-Quran sebagai sesuatu yang diyakini dan diamalkan, bukan sesuatu yang harus diragukan apatah lagi untuk diperdebatkan. Ianya diturunkan dari sisi zat Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji. Tidaklah datang kepadanya kebatilan, dari arah depan, mahupun dari arah belakang. Seandainya seluruh manusia bersatu padu untuk membuat sesuatu yang serupa dengannya, nescaya mereka akan gagal dan tidak sanggup melakukannya, meskipun mereka bahu-membahu dan saling membantu satu dengan yang lain. Tidak mungkin mereka boleh menandingi mukjizat yang agung ini. Hal inilah kemuliaan al-Quran yang akan membuat tenteram dan sejuk hati insan beriman. Dan sebaliknya, ia tidak akan mendatangkan pengaruh kepada orang-orang yang zalim kecuali kerugian dan kebencian.

Salafus soleh (Al Amir, 2000), telah memberikan teladan kepada kita dalam mewarnai bulan ramadhan yang mulia dengan interaksi yang intensif bersama al-Quran. Demikian pula

golongan salafus soleh, memperbanyak membaca al-Quran di bulan Ramadhan, di dalam mahupun di luar solat. Az-Zuhri, rahimahullah berkata apabila telah masuk bulan Ramadhan,

“Sesungguhnya ini adalah kesempatan untuk membaca al-Qur’an dan memberikan makanan.”
(Azmi, 2017)

Imam Malik rahimahullah berkata (Ismail, 2017) apabila telah datang bulan Ramadhan maka beliau menutup pengajaran hadis dan mengkhususkan diri untuk membaca al-Quran. Qatadah rahimahullah pada bulan Ramadhan mengkhatamkan al-Quran setiap tiga malam, sedangkan pada sepuluh hari terakhir beliau mengkhatamkannya setiap malam. Begitu pula Ibrahim an-Nakha’i rahimahullah berkata, pada sepuluh hari terakhir beliau mengkhatamkan al-Qur’an setiap dua malam (ZM Nor, 2017; Utsaimin, 2018).

Iman yang hakiki adalah suatu kepercayaan yang diyakini di dalam hati dan dibuktikan dengan amal perbuatan. Dan keimanan ini adalah ungkapan hati yang disampaikan melalui bahasa lisan (Mahmud al-Dosari, 2006). Al-Quran, surah al-Baqarah ayat 136 memberikan isyarat bahawa keimanan kepada al-Quran merupakan hal yang iman atau mesti dikekalkan dalam hati dan pengamalan. Bahkan, mengamalkan al-Quran merupakan salah satu perbuatan yang baik dan disukai oleh Allah SWT. Allah SWT telah menjanjikan kepada hamba-hambanya yang melakukan amal soleh dengan ganjaran yang besar samada di dunia mahupun akhirat. Sebaik-baik manusia adalah orang yang mengamalkan al-Quran dan menerapkan pengamalannya dalam kehidupan secara zahir dan batin. Bahkan al-Quran juga menjadi simbol kepada akhlak Rasulullah SAW. Allah SWT sendiri telah memuji dan menyanjungi akhlak dan budi pekerti Nabi Muhammad SAW dalam al-Quran (al-An’am 6:155, al-Nahl 16:97, al-Qalam 68:4, al-Hadid 57:16, al-Kahfi 18:57).

PENUTUP

Al-Quran merupakan kitab suci yang kekal buat selama-lamanya, terpelihara di bawah pemeliharaan Allah SWT sehingga hari akhirat (Abdullah Nasih Ulwan, 2003). Umat Islam secara umum dan secara khasnya pelajar-pelajar kini mesti kembali menghayati al-Quran sebagaimana yang telah dihayati oleh umat Islam pada zaman awal sejarah Islam dahulu terutamanya pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Penghayatan al-Quran yang sempurna akan mengubah seluruh keadaan hidup umat Islam dan selanjutnya akan meletakkan mereka menerajui kepimpinan dunia sekali lagi (Wan Salim Wan Mohd Nor, 1992).

Al-Quran perlu kepada interaksi bagi memberikan penghayatan kepada pembaca dan orang Islam. Al-Quran adalah sebuah mukjizat yang agung buat umat Islam dan seluruh alam. Ummat dahulu bangkit kerana mereka mengambil al-Quran bukan sekadar membacanya, tetapi penghayatan dan pengamalan daripada al-Quran. Bagi memberikan kesan penghayatan, perlu kepada interaksi yang berkesan antara pembaca dan al-Quran. Menjadi sinonim kepada masyarakat kita hari ni, akan mudah bersama dengan al-Quran apabila menjelang bulan

Ramadhan. Justeru itu, kertas konsep ini diarpkan membantu pembaca dan umat Islam dalam memahami dan mengambil manfaat daripada al-Quran iaitu dengan cara meletakkan diri sebagai objek yang membaca, mengetahui serba sedikit latar belakang ayat atau surah, mempunyai asas ilmu dan keinginan untuk terus pelajari bahasa arab, membaca dengan menggunakan hati serta membaca untuk melakukan sesuatu setelah membacanya

RUJUKAN

Abdul Rahman Nasir as-Sa'di. 2003. Tafsir al-Karim ar Rahman Fi Kalam al-Mannan, Beirut Lubnan, Dar Ibn Ham, 604

Abdullah Nasih Ulwan. 2003. Generasi Muda Islam & Cabaran Globalisasi. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM): Kuala Lumpur.

Ahmad Abdul Ghani. 1997. Tahap-Tahap Penguasaan Pembacaan Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Jitra, Jitra Kedah Darul Aman. Kuala Lumpur.

Ahmad Khalil. 1999. Al-Quran Dalam Pandangan Sahabat Nabi. Gema Insasi Press. (84 halaman).

Ahmad Syakir. 2018. Interaksi Dengan Al-Quran. Selangor: Printzilla House. ISBN 978-967-14988-4-2

Ahmad, J. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan Dikalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Ph.D. Thesis, Fakulti Pendidikan Universiti, Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Aizan Ali & Murni Buchik. 2017. Issues and Challenges on Muslim Teenagers' Education in Malaysia. *Jurnal al-Tamaddun*, 12(2), 41-49.

Akhmad & Mahmud Muhsinin. 2015. Puasa Menurut Islam dan Katolik. *AL-Hikmah: Jurnal Studi Agama-Agama*. 1(2).

Al-Asqalani, Ibn Hajar. 1986. *Fath Al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari*. Dar Al-Rayyan Li Al-Turath.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1999. *Min Rawai" Al-Quran Ta"amulat Ilmiah Wa Adabiah Fi Kitabillah Azza Wajalla*. Riyadh: Maktabah Al-Riyad Al-Hadithah.

Al-Ghazali, Abu Hamaid. 1999. *Ihya' Ulum al-Din*. J. 3, 4. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1999. *Kaifa Nata'mal Ma'al Al-Quran Al-'Azim*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Al-Qur'an al-Karim. Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Jakim.

Al-Tabari, Abu Ja'afar Muhammad Ibn Jarir. 2001. *Tafsir at-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran. Tahqiq 'Abdullah Ibn 'Abd al-Muhsin al-Turki*. Juz 14. Kaherah: Markaz Hijr li al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Arabiyyah wa al-Islamiyyah.

Azmi. 2017. *The Routledge Handbook of Tourism Impacts: Theoretical and Applied Perspectives*.

Hasnan Kasan, Mohd Fadzil Mustafa, Siti Sarah Haimi & Umar Faruk. 2017. Faktor Interaksi dengan al-Quran dalam Proses Penghayatan Kehidupan Beragama Pelajar-Pelajar UKM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15. Hlm, 89-98. ISSN 2289 6325.

Ibn Kathir, Imadal-din Abu al-Fida' Ismail. 2000. *Tafsir al-Quran al-'azim. Tahqiq Mustafa al-Sayyid Muhammad*, J. 8. Kaherah: al-Faruq al-Hadithiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Imam al-Haitami. 1998. *Majma' al-Zawaid*. Hlm, 47-48. Hadis ini dirwayatkan oleh Abu Ya'la secara sempurna dan al-Tabarani di dalam al-Mu'jam al-Kabir. Juga diriwayatkan Abu Daud, Ibn Majah dan al-Tarmizi.

Jabatan Agama Islam Selangor. 2018. Keagungan al-Quran Dan Tanggungjawab Kita. Khutbah Jumaat 01 Jun 2018.

Jasmi K. A. & Tamuri A. H. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran & Pembelajaran Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press*. ISBN 978-983- 52-0448-7

Johan Afendi, Berita Harian. 2004. Tiada Al-Quran Di Rumah, 15 Julai, Hlm. 14.

Lofland, L & Taylor, I (1999). *The New Criminalology: For a social theory of deviance*. New York: Harper & Row

Madiah Muhamad 1992. *Pembelajaran Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Daerah Kuala Terengganu, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya*.

Mahmud Ahmad Shalih Al-Dosari. 2006. *Keagungan Al-Quran*. Maktabah Darus Salam: Riyadh.

Mohammad E.A. Al-Qattan. 2016. A comparative analysis of two types of piracy: Iranian/Iraqi piracy in the Arabian Gulf and Somali piracy in the Indian Ocean. 6(2), 33-36

Mohd Nizam Sahad. 2015. Penggunaan Azimat Pelaris Perniagaan Menurut Perspektif Akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(1), 18-44.

Musaid at-Thayyar. 2010. Interaksi Dengan al-Quran dalam Bulan Ramadan.

Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali Asy Syarbaji. 2011. *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. ISBN: 978-983-042-486-6

Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Yusoff. 2017. The Importance Of Al-Qalb In Producing Muslim Teenagers: The Analysis Of Teenagers In Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*. 10(1), 1-16. ISSN: 1823 7126.

Rafidah Mokhtar & Nizam Sahad. 2014. Amalan 'Pendinding' Rumah bagi Masyarakat Melayu Brunei: Tinjauan dari Perspektif Akidah Islam. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2(1), 35-43.

Ramlan Ahmad. 2000. Kemahiran Membaca Al-Quran Dan Jawi Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Berasrama Penuh: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana. Hlm. 81-82.

Rosnawati Umar. 1992. Pembelajaran Tilawah Al-Quran Dikalangan Pelajar Agama: Suatu Kajian Di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Matang Kuching Sarawak. Tesis.

Sani Kamarudzaman, Berita Harian. 2011. Tekad Suraya, 13 Ogos, Hlm. 2.

Sedek Ariffin, Khadher Ahmad & Selamat Amir. Tadabbur Al-Quran: Isu Dan Cabaran Semasa. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. ISBN: 978-967-5534-67-6

Seyyed Alireza Golshani. 2013. A Physician and Social Pathologist of Safavid Era. 2(4), 169-73.

Sharifah Norshah. 2011. Ayat-Ayat Al-Quran Sebagai Terapi Kerasukan Jin: Analisis Dari Ayat- Ayat Ruqyah Syar`iyyah. *Centre of Quranic Research International Journal*. 107-138.

Shumsudin Yabi. 2015. Mu'taqidat al-Syiaat fil al-Quran al-Karim. *Jurnal Darul Quran*. ISSN 2229-9120.

Utsaimin. 2018. *Majlis Syahri Ramadhan*, Dar al-'Aqidah.

Wan Salim Wan Mohd Nor. 1992. Al-Quran Dalam Beberapa Perspektif, Dalam Penghayatan Quran Di Malaysia. Penerbitan Pustaka Antara: Kuala Lumpur.

Zaidi Mahmod. 2011. Pelaksanaan Pemantauan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Produk Halal Di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal. Tesis. Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Zelfeni Wimra. 2017. Reintegrasi Konsep Maqashid Syariáh dalam Adat Basandi Syara', Syara'basandi Kitabullah. *Jurnal Ilmiah Syariah*. 2(15), 191-200.